

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan justifikasi kepada sekatan-sekatan daripada pentadbiran universiti ke atas penganjuran wacana dan dialog ilmiah yang melibatkan mahasiswa seperti yang terjadi di Universiti Islam Antarabangsa pada 14 Mei 2014 dan Universiti Malaya pada 29 Mac 2014 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pentadbiran Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tidak menyekat penganjuran wacana atau dialog ilmiah yang melibatkan mahasiswa selagi aktiviti dan pengisian program tersebut bersesuaian dan mendapat kelulusan daripada pihak Universiti tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan oleh setiap universiti masing-masing sebelum mana-mana aktiviti atau program tersebut dianjurkan.

Program "Tanyalah Asatizah" anjuran *Islamic Revealed Knowledge (IRK) Student's Secretariat* di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) masih dibenarkan walaupun tajuk dan penceramah program didapati berbeza dari yang dinyatakan dalam kertas cadangan asal yang telah diluluskan oleh pentadbiran UIAM. Walau bagaimanapun, perjalanan program tersebut dipantau sendiri oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) *Kulliyah Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences*.

Manakala program di bawah nama *Law Career Convention* (LCC) anjuran Persatuan Undang-undang Universiti Malaya (UM) pada 29 Mac 2014, sebenarnya telah diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) pada 22 Januari 2014. Namun, didapati program tersebut tidak mengikut prosedur yang ditetapkan dalam peruntukan undang-undang di bawah Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 dan Statut Universiti Malaya (Badan-badan Pelajar) 1979. Permohonan memasukkan aktiviti baharu iaitu Program *Lecture Series* telah dibuat hanya 4 hari sebelum Program LCC dijalankan iaitu selepas kelulusan dikeluarkan. Di samping itu, program *Lecture Series* adalah merupakan suatu program yang berlainan dengan Program LCC yang memerlukan kelulusan berasingan. Walau bagaimanapun, perkara ini telah dianggap selesai apabila Naib Canselor UM bertemu dan berbincang dengan Yang Dipertua Badan Pelajar berkenaan. Penyelesaian telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan tiada isu berbangkit selepas persetujuan tersebut dicapai.